

U B038 AAB

MAHATHIR-MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 16 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEKANKAN PENTINGNYA SEMANGAT KERJASAMA ANTARA RAKYAT BERBILANG KAUM DI NEGARA INI DALAM UBAHA MENUJUDKAN SATU BANGSA MALAYSIA.

MENURUTNYA, ATAS KESEDARAN INILAH SERTA KEMATANGAN POLITIK PARA PEMIMPIN YANG MENYEBABKAN PARTI-PARTI YANG BERASASKAN KAUM DI NEGARA INI MENYERTAI BARISAN NASIONAL (BN).

+ WALAUPUN KITA MEMPUNYAI KEPENTINGAN KAUM DALAM PARTI KITA SENDIRI, TETAPI KITA SEDAR AKAN PENTINGNYA KITA BEKERJASAMA DAN OLEH ITU KITA MENYERTAI BARISAN NASIONAL, + KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERHIMPUNAN RAKSASA ULANGTAHUN PENUBUHAN MALAYSIA, ANJURAN JAWATANKUASA TERTINGGI PEMUDA BARISAN NASIONAL, DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PDDP) DI BINI.

MENURUT PERDANA MENTERI, DENGAN TERBENTUKNYA BARISAN NASIONAL, MAKA WUJUDLAH SUASANA YANG AMAN DAN DAMAI DI NEGARA INI. -- LAGI.  
1828MST 16 09 86

U B041 AAB

MAHATHIR - MALAYSIA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN JAWATANKUASA (PUSAT) PARTI-PARTI KOMPONEN BN, BERKATA MEMANG ADA GOLONGAN-GOLONGAN YANG MENGUTAMAKAN PERKAUMAN DAN FIKIRAN AGAMA YANG SEMPIT TETAPI JELAS DARIPADA KEPUTUSAN PILIHAN RAYA UMUM YANG LEPAS MEREKA TIDAK DITERIMA SECARA KESELURUHAN OLEH RAKYAT.

+ INI MENUNJUKAN JUGA BAHAWA RAKYAT UMUMNYA MEMILIH UNTUK BEKERJASAMA DAN MENERIMA HAKIKAT BAHAWA TERDAPATNYA BERBILANG KAUM DI NEGARA INI, + JELASNYA.

PERDANA MENTERI BERSYUKUR GOLONGAN-GOLONGAN INI TIDAK BERJAYA MEMERINTAH NEGARA INI KERANA PASTI MEREKA TIDAK AKAN DAPAT MENJAGA KEPENTINGAN RAKYAT DAN NEGARA.

+ KALAU MEREKA MENDAPAT KEMENANGAN, HARI INI NEGARA KITA AKAN TERBAHAGI KEPADA DUA...KERANA DUA GOLONGAN YANG BERTENTANGAN INI SUDAH TENTU TIDAK AKAN DAPAT MENCAPAI KATA SEPAKAT APABILA BERHADAPAN DENGAN MASALAH, + TAMBAHNYA.

SEBALIKNYA, TEGASNYA, DALAM BN TIDAK ADA MASALAH YANG BENAR-BENAR BESAR SEHINGGA TIDAK DAPAT DICARI JALAN TENGAH UNTUK MENGATASINYA. -- LAGI

1845MST 16 09 86

D843

U B051 AAB  
MAHATHIR - MALAYSIA 3 KUALA LUMPUR

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERBANGGA BAHAWA PERGERAKAN PEMUDA PARTI-PARTI KOMPONEN TURUT MENERIMA MENGENAI PENTINGNYA SEMANGAT KERJASAMA INI.

+ KALAU YANG MUDA TIDAK BERSEDIA MENERIMA FALSAFAH YANG TELAH MEMBAWA KEBAHAGIAN KEPADA NEGARA KITA SELAMA LEBIH 29 TAHUN MAKA SUDAH TENTU KEAMANAN YANG TERDAPAT DALAM NEGARA KITA AKAN TERJEJAS,+ TEGASNYA.

MENGENAI PERHIMPUNAN YANG DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 3,000 ORANG ANGGOTA KOMPONEN PARTI BN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SUNGGUHPUN ADA PIHAK MELUPAI 16 SEPT, IAITU TARIKH SEBENAR PENUBUHAN MALAYSIA, KITA DALAM BN TIDAK MELUPAINYA.+

+ HARI INI SUDAH PUN DILUPAI OLEH PIHAK YANG EKSTRIM DAN PARTI LAWAN...YANG TIDAK SAMA SEKALI MERAYAKAN HARI PENUBUHAN MALAYSIA INI SEDANGKAN MEREKA MENDAPAT NIKMAT YANG SAMA DARIPADA MALAYSIA SEPERTI KITA,+ TEGASNYA.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR MEREKA INI TIDAK MENYEDARI TENTANG PENTINGNYA PENUBUHAN MALAYSIA DAN PENTADBIRANNYA YANG MENGAMALKAN SIKAP KESEDERHAAN. -- LAGI  
1921MST 16 09 86

D857

U B057 AAB  
MAHATHIR - MALAYSIA 4 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU, Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Pemuda BN Encik Anwar Ibrahim yang juga Menteri Pelajaran berkata pemimpin pemuda parti-parti komponen BN hendaklah berani mempertahankan prinsip dalam perlembagaan negara yang dipersetujui oleh semua kaum.

Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Sambutan Hari Malaysia 1986 Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin berkata selain memperingati penubuhan Malaysia, perhimpunan merupakan kesempatan paling baik untuk berterima kasih kepada kepimpinan parti kerana memberi peluang kepada pemimpin pemuda menjadi calon pada pilihan raya lepas.

Sebelum itu, ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir di Dewan Merdeka, tempat perhimpunan berlangsung, disambut dengan teriakan 3 kali +hidup Mahathir+ dan +hidup BN+ oleh kira-kira 3,000.

Perdana Menteri kemudian diperkenalkan kepada anggota Jawatankuasa Majlis Tertinggi Pemuda BN dan Jawatankuasa Pengelola oleh Encik Anwar.

Yang turut menghadiri majlis ialah Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba dan Timbalan Presiden UMNO Datuk Musa Hitam. --  
BERNAMA

1946MST 16 09 86